

Tasik Bukit Merah didalamkan elak banjir di Kerian

IPOH – Kerajaan Perak memutuskan untuk mendalamkan Tasik Bukit Merah bagi mengatasi masalah banjir yang sering melanda daerah Kerian apabila hujan lebat.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Tenaga dan Air negeri, Datuk Ramly Zahari berkata, projek itu akan dijalankan akhir tahun ini dan ia dipilih kerana kosnya lebih rendah berbanding meninggikan dinding penebat di empangan tersebut.

“Kita mempunyai dua cadangan ia itu meninggikan dinding penebat sekeliling empangan atau mendalamkan empangan bagi memberikan ruang yang lebih untuk penyimpanan air. Kerajaan negeri memilih mendalamkan empangan kerana ia tidak melibatkan kos yang tinggi,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata, keputusan itu juga dibuat selepas meneliti syor Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta

perunding swasta yang menjalankan kajian bagi menangani isu banjir tersebut.

Daerah Kerian sering dilanda banjir apabila air di empangan terbabit dilepaskan susulan hujan lebat dan paras air meningkat ke paras bahaya.

Sebelum ini, kerajaan memperuntukkan RM500,000 bagi kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan bagi tujuan menaik taraf sistem pengairan empangan berkenaan.

Empangan Bukit Merah yang dibina pada tahun 1906 mempunyai keluasan tasik 40 kilometer persegi dengan kapasiti takungan kira-kira 70 juta liter padu air.

Dalam kejadian banjir yang melanda sejak minggu lepas, lebih 500 penduduk dari beberapa kampung sekitar Bukit Merah, Alor Pongsu dan Bagan Serai terpaksa dipindahkan apabila kawasan mereka ditenggelami air 0.5 dan 1 meter. - Bernama



RAMLY